

19 OCT 2000

ASEM-WTO

KL JADI TUAN RUMAH PERSIDANGAN PEMUDAHAN PERDAGANGAN

Oleh: E. Sivabalan

SEOUL, 19 Okt (Bernama) -- Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Pemudahan Perdagangan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sebagai sebahagian daripada pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala yang bertujuan memastikan kepentingan negara-negara membangun tidak dikesampingkan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Malaysia diberi tanggungjawab bersama dengan Kesatuan Eropah untuk menganjurkan persidangan ini sebagai sebahagian daripada pusingan baru rundingan.

"Sepanjang pengetahuan Malaysia, pandangan kita sudah sedia maklum bahawa kita mahu melihat kepentingan negara membangun tidak dibiarkan begitu sahaja dan faktor-faktor tidak berkaitan tidak dimasukkan bagi tujuan mana-mana rundingan perdagangan," katanya.

Ini memandangkan negara-negara kaya telah mengenakan tekanan untuk memasukkan isu-isu bukan perdagangan ke dalam pusingan baru perbincangan WTO seperti standard-standard buruh, faktor alam sekitar dan hak asasi manusia.

Bagaimanapun, negara-negara membangun melihat tekanan ini sebagai satu cara untuk mengambil kesempatan di atas kelemahan mereka dan merasakan isu-isu tidak berkait dengan perdagangan ini sepatutnya dibawa ke forum yang lebih bersesuaian seperti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Beliau, bagaimanapun, tidak dapat menyatakan bila persidangan itu akan diadakan di Kuala Lumpur.

Bercakap kepada pemberita Malaysia ketika ketibaannya untuk menghadiri mesyuarat persediaan peringkat menteri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) menjelang Asem ketiga di sini, esok, beliau berkata persidangan itu akan menjadi antara inisiatif baru untuk diguna pakai dalam Kenyataan Pengerusi Asem.

Berdasarkan kepada deraf Kenyataan Pengerusi itu, pemimpin-pemimpin dijangka mengulangi kepentingan sistem dagangan pelbagai hala berasaskan peraturan untuk menggalakkan pertumbuhan global serta kemakmuran dan memenuhi cabaran-cabaran globalisasi.

Dalam konteks ini, mereka dijangka mengukuhkan komitmen mereka bersama-sama untuk mendapatkan keputusan sebulat suara bagi melancarkan secepat mungkin pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala, agenda yang sepatutnya dikembangkan bagi mencerminkan keseluruhan sambutan kepada kepentingan semua anggota WTO.

Dokumen itu menyatakan pemimpin-pemimpin bersetuju keperluan pembangunan negara membangun dan negara kurang membangun sepatutnya "ditangani dengan betul menerusi peluang kemasukan pasaran yang semakin meningkat dan mengukuhkan pembinaan kapasiti bagi persediaan mengendalikan pusingan baru itu".

Mereka juga menjangka perkongsian pandangan yang lebih bermakna dan keputusan yang lebih seimbang dalam tempoh masa yang bersesuaian boleh dicapai jika rundingan dikendalikan sebagai sebahagian daripada satu pusingan baru.

Asem terdiri daripada tujuh negara Asean iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Tiga negara anggota Asean lain -- Kemboja, Laos dan Myanmar masih belum menjadi sebahagian daripada Asem lagi.

China, Jepun dan Korea Selatan adalah anggota Asem lain dari bahagian

Asia manakala anggota Eropah adalah Austria, Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greek, Ireland, Itali, Luxemburg, Belanda, Portugal, Sepanyol, Sweden, United Kingdom dan Suruhanjaya Eropah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual tiba di sini lewat hari ini untuk menghadiri Asem selama dua hari yang dianjurkan oleh Korea Selatan.

Syed Hamid berkata cara terbaik untuk berurusan dengan isu-isu WTO adalah dengan mengadakan persidangan di mana pihak-pihak dari Asia dan Eropah boleh mempertimbangkan perkara itu dan muncul dengan beberapa bentuk perjanjian.

"Oleh itu dalam pusingan baru rundingan, kita boleh menyampaikan pandangan yang mungkin boleh lebih diterima," katanya.

Apabila ditanya mengenai pandangan Malaysia terhadap cadangan Korea Selatan bagi Meja Bulat Asem untuk Globalisasi di Seoul, Syed Hamid berkata Malaysia sentiasa konsisten dengan isu tersebut.

"Kita telah mengambil aspek negatif globalisasi dan jika kita tidak begitu bersedia kita akan dibayangi oleh proses ini. Negara-negara membangun masih berada di kedudukan merugikan," katanya.

Syed Hamid juga berkata Malaysia akan bekerjasama dengan United Kingdom dalam menganjurkan persidangan peringkat antarabangsa mengenai HIV/Aids.

"Ini juga adalah inisiatif baru oleh Asem. HIV/Aids adalah masalah serius di seluruh dunia," katanya.

Beliau juga berkata kemajuan projek Universiti Asia-Eropah di Universiti Malaya, Kuala Lumpur sedang berjalan lancar.

-- BERNAMA  
ES MR ZK MA